

TEKS UCAPAN

**YBHG DATO' IR. HAJI ISMAIL BIN MD. SALLEH
KETUA PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA**

**SEMPENA PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT:
PENYERAHAN KENDERAAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA
KEPADA INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI**

24 NOVEMBER 2016

**BERTEMPAT DEWAN INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI,
PULAI PINANG**

YANG BERUSAHA PUAN NORLIZA BINTI YAAKOB

PENGARAH INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI

YANG BERUSAHA PUAN ZURAIDA BINTI SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PEGAWAI-PEGAWAI INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI DAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

TUAN PUAN DAN PELAJAR-PELAJAR YANG DIKASIHI

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM SEHATI SEJIWA.

1. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MEMANJATKAN RASA KESYUKURAN KEPADA ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA DAPAT KITA SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA HARI INI SEMPENA PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL DAN KORPORAT (CSR) PENYERAHAN KENDERAAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA KEPADA INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI, PULAU PINANG.

HADIRIN YANG SAYA HORMATI,

2. UNTUK MAKLUMAN, LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA (LLM) ADALAH SEBUAH BADAN BERKANUN DI BAWAH KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA YANG TELAH DITUBUHKAN PADA 24 OKTOBER 1980. TUJUAN PENUBUHAN LLM SECARA DASARNYA ADALAH UNTUK MENYELIA DAN MELAKSANAKAN REKABENTUK PEMBINAAN, PENGAWALAN, PENGENDALIAN DAN PENYELENGGARAAN LEBUH RAYA – LEBUH RAYA BERTOL DI MALAYSIA SEHINGGA KE HARI INI TERDAPAT SEBANYAK 32 LEBUHRAYA YANG BEROPERASI.

3. NAMUN DISEBALIK KESIBUKAN LLM MENYELIA PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN LEBUH RAYA, PENGURUSAN LLM SENTIASA MENGAMBIL BERAT PELAKSANAAN PROGRAM BERBENTUK CSR SEBAGAI AGENDA TETAP TAHUNANNYA. PROGRAM CSR SEBEGINI DIWUJUDKAN ATAS DASAR UNTUK MEMBANTU DAN MEMBERI SUMBANGAN KEPADA PELBAGAI PIHAK PENERIMA SAMADA INSTITUSI PENGAJIAN, SEKOLAH MAHUPUN GOLONGAN YANG MEMERLUKAN, DENGAN HARAPAN SEDIKIT SEBANYAK DAPAT MEMBANTU MEREKA DALAM PEMBELAJARAN DAN KEHIDUPAN SEHARIAN. INGIN SAYA MAKLUMKAN BAHAWA SEPANJANG PELAKSANAAN CSR SELAMA 5 TAHUN BERMULA 2011, LLM TELAH MENYAMPAIKAN SUMBANGAN KEPADA PELBAGAI GOLONGAN PENERIMA ANTARANYA BANTUAN BANJIR KEPADA SEKOLAH DI KEDAH, RUMAH JAGAAN GOLONGAN KURANG UPAYA DI KEDAH DAN JOHOR, PROGRAM GOTONG-ROYONG PERKAMPUNGAN ORANG ASLI DAN TAMAN TASIK AWAM DI SELANGOR, RUMAH JAGAAN WARGA EMAS DI SELANGOR DAN MELAKA, RUMAH JAGAAN ANAK YATIM DI PAHANG DAN NEGERI SEMBILAN SERTA KELUARGA BERPENDAPATAN RENDAH DI JOHOR DAN PERAK. DI SAMPING ITU, TIGA PROGRAM KEMBALI KE SEKOLAH ATAU *BACK TO SCHOOL*

JUGA TELAH BERJAYA DILAKSANAKAN SEBELUM INI IAITU DI GAMBANG, KUANTAN, TELUK INTAN, PERAK DAN KULIM, KEDAH.

HADIRIN SEKALIAN,

4. UNTUK MAKLUMAN SKOP PROGRAM CSR LLM TELAH DIPERLUASKAN DENGAN PENYERAHAN SECARA HADIAH ASET TERPAKAI LLM YANG MASIH BOLEH BERFUNGSI DENGAN BAIK KEPADA AGENSI YANG MEMERLUKAN. JUSTERU PADA TAHUN 2015, LLM MENYERAHKAN 65 UNIT KOMPUTER DESKTOP TERPAKAI DAN 67 UNIT PERABOT DAN KELENGKAPAN PEJABAT SECARA HADIAH BAGI KEGUNAAN HARIAN, PEMBELAJARAN DAN LATIHAN KEPADA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SULTAN YAHYA PETRA 1, KUALA KRAI YANG TELAH MUSNAH DILANDA BANJIR PADA PENGHUJUNG TAHUN 2014.

5. LANJUTAN DARI ITU PADA HARI INI, LLM BERHASRAT UNTUK MEMBERI SUMBANGAN BERUPA SEBUAH KENDERAAN JENIS SUV NAZA SORENTO 2.5 EX (D) (A) TERPAKAI SECARA HADIAH KEPADA INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN PERAI, PULAU PINANG. DENGAN ADANYA KENDERAAN INI, IA DAPAT DIGUNAPAKAI OLEH TENAGA

PENGAJAR UNTUK TUJUAN LATIHAN DAN PEMBELAJARAN KEPADA PELAJAR TEKNOLOGI AUTOMOTIF. ADALAH DIHARAPKAN DENGAN SUMBANGAN INI, IANYA AKAN MEMBERI PEMAHAMAN PRAKTIKAL YANG LEBIH LUAS DAN JELAS KEPADA PARA PELAJAR YANG MENDALAMI BIDANG AUTOMOTIF.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

6. AKHIR KATA, SAYA AMAT MENGGALAKKAN PROGRAM MURNI INI DITERUSKAN DI MASA –MASA AKAN DATANG. SAYA JUGA AMAT YAKIN PROGRAM CSR SEBEGINI BERUPAYA MENJALIN PERHUBUNGAN ERAT DENGAN PELBAGAI PIHAK. SEKALI LAGI SAYA MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM INI SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG. SEKIAN, TERIMA KASIH.